



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI

SEMPENA

SESI "TOWN HALL" DIALOG BAJET MBSP 2024 BERSAMA
AHLI MAJLIS

TARIKH / MASA / TEMPAT

31 MEI 2023 (RABU)
8.30 PAGI

**THE LIGHT HOTEL
SEBERANG JAYA**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, telah memberi kita semua kesihatan dan juga kelapangan yang baik pada hari ini untuk berkumpul dalam Sesi "Town Hall" Dialog Bajet MBSP 2024 bersama Ahli Majlis di The Light Hotel, Seberang Jaya.
2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Ahli-Ahli Majlis MBSP; Tuan Setiausaha Bandaraya; Ketua-Ketua Jabatan, Bahagian dan Unit; serta Pegawai-Pegawai MBSP kerana sudi hadir ke Sesi "Town Hall" Dialog Bajet MBSP 2024 Bersama Ahli Majlis pada pagi ini.
3. Mentadbir sebuah organisasi Pihak Berkuasa Tempatan adalah sama seperti mentadbir satu badan korporat. Tujuannya adalah untuk mengurangkan kos pengurusan, meningkatkan hasil melalui daya inovasi dan kreativiti, di samping meningkatkan lagi kecemerlangan perkhidmatan kepada rakyat Seberang Perai.
4. Cabaran utama dalam pengurusan kewangan MBSP adalah bagaimana menguruskan sumber yang terhad berbanding keperluan dan permintaan rakyat Seberang Perai (*limited resources with*

unlimited needs and wants). Oleh yang demikian, kerjasama daripada pelbagai pihak seperti agensi bukan kerajaan (NGO), MPKK, JPWK dan komuniti juga amatlah diperlukan bagi menggembung tenaga agar Seberang Perai menjadi lebih bersih, hijau dan selamat untuk didiami oleh rakyat Seberang Perai.

5. Bagi tahun 2023, MBSP telah mengambil pendekatan penyediaan bajet berdasarkan keutamaan atau *priority-based budgeting* untuk menambahbaik perkhidmatan MBSP. Untuk penyediaan Bajet 2024 pula, MBSP akan meneruskan pendekatan tersebut dan akan menambahbaik perkhidmatan MBSP untuk keselesaan rakyat Seberang Perai.
6. Pada 1 hingga 30 Mac 2023 yang lalu, MBSP telah mendapatkan input Bajet Tahun 2024 daripada Ahli Majlis dan pada hari ini, kita akan membincangkan input bajet tersebut untuk dimasukkan di dalam perancangan Bajet dan *Corporate Priorities* MBSP bagi tahun 2024.
7. Di samping input bajet yang diperolehi daripada Ahli Majlis, MBSP juga telah mendapatkan input bajet daripada “*stakeholders*” Seberang Perai. Soal selidik ini telah dijalankan serentak dengan input Bajet Ahli Majlis pada 1 hingga 30 Mac 2023. Input-input bajet yang diperolehi daripada “*stakeholders*” akan dianalisa dan dibincangkan oleh pengurusan MBSP untuk penyediaan Bajet 2024.

8. Sebagai Datuk Bandar MBSP, besarlah harapan saya agar Tuan-Tuan dan Puan-Puan dalam Sesi “*Town Hall*” Dialog Bajet MBSP 2024 ini dapat bersama-sama merangka perancangan dan pelan tindakan bagi melaksanakan input bajet yang akan dibincangkan sebentar lagi.
9. Saya juga berharap agar peluang ini dimanfaatkan sebaik mungkin dengan memberikan idea-idea dan cadangan-cadangan yang praktikal untuk dilaksanakan supaya Seberang Perai menjadi sebuah kawasan bandaraya yang dinamik, kondusif dan progresif pada masa kini dan terus cemerlang di masa hadapan.
10. Sebelum mengakhiri ucapan, sekali lagi saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada para hadirin sekalian yang sudi hadir pada sesi “*Town Hall*” hari ini. Dengan lafaz suci **Bismillahir Rahmanir Rahim** saya dengan sukacitanya merasmikan **Sesi “Town Hall” Dialog Bajet MBSP 2024 Bersama Ahli Majlis**.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.